

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font.

CREATE

e-newsletter

UMP terima sumbangan RM157,800 daripada UMW T

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Yayasan UMP menerima sumbangan berjumlah RM157,800 dari Universiti Malaysia Wajau (UMW) untuk Projek [Ninja@UMP](#) STEM Lab yang bakal dilaksanakan mulai April tahun ini membabitkan lebih 1,000 pelajar.

Kepesatan pembangunan teknologi dan maklumat pada hari ini memerlukan pelajar berpengetahuan dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sebagai menguasai kemahiran abad ke-21 seperti penyelesaian masalah, pemikiran kritis dan kreatif.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin UMP, adalah menjadi keutamaan UMP untuk membantu meningkatkan kesejahteraan dan sosioekonomi penyelidikan yang dijalankan selari dengan hasrat universiti dalam merealisasikan agenda memasyarakat masyarakat setempat.

“Kerjasama UMP dan pihak UMW Toyota Motor dalam menjayakan *Projek [Ninja@UMP STEM Lab](#)* ini akan memberi manfaat kepada masyarakat dalam bidang STEM khususnya berkaitan robotik dan teknologi digital.

“Ia turut membabitkan mahasiswa UMP sebagai fasilitator, guru pembimbing dan pensyarah dalam menyampaikan ucapan pada Majlis Penyerahan Cek Toyota Classic UMW Toyota Motor kepada UMP *STEM Lab* di Dewan Bankuet Canseleri Tun Abdul Razak Pekan pada 7 Januari 2020 yang lalu.

Bercakap mengenai Yayasan UMP, ujarnya bermula Januari 2020, *MyGift* UMP diperkasa dan dinamakan atau dikenali sebagai Yayasan UMP untuk mengumpul dan mengurus dana daripada orang ramai, syarikat dan kebajikan untuk mahasiswa UMP.

“Ia termasuklah membiayai program pendidikan, kemasyarakatan dan menyediakan kemudahan pembelajaran.

“Menjelang 2025, Yayasan UMP mensasarkan bantuan kepada seramai 7,000 orang mahasiswa daripada orang ramai yang menyumbang pengajian di universiti ini,” katanya.

Hadir menyampaikan replika cek Presiden UMW Toyota Motor, Ravindran K yang hadir bersama Pengarah UMP, Mohd. Zain, dan Pengurus Besar Bahagian Pemasaran, Richi Lim.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli Haniffa dan Masyarakat (ICoN), Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin.

Sementara itu, Ravindran berkata, hasil kerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dalam Program pelajar daripada 300 sekolah telah menjayakan program kesedaran penjagaan alam sekitar.

“Manakala Toyota Dream Art Contest yang diperkenalkan sejak tujuh tahun lalu berjaya menyuntik semula lukisan kereta masa depan membabitkan seramai 9,000 penyertaan.

“Toyota sebagai rakan kerjasama penaja turut memperkenalkan inisiatif baharu melalui *Toyota Outrun* bersempena 2020 yang berjaya mengumpul hasil kutipan sebanyak RM150,000 untuk disumbangkan kepada *Paralympics*.

“Melalui penganjuran Konsert *Toyota Classic*, pihak kami juga berjaya mengumpul sebanyak RM9.4 juta dari jualan tiket sejak tahun 1990 yang telah memanfaatkan lebih 72 organisasi berkaitan penjagaan alam sekitar.

“Selain UMP, turut sama menerima sumbangan daripada pihak UMW Toyota Motor pada kali ini ada di seluruh Malaysia,” katanya.

Transformasi Organisasi: Manusia Asas Peruk

Oleh : ROSILAVI MAT JUSOH, MUHAMMAD AZLI SHUKRI DAN AMIRUL AHMAD
e-Mel: rosilavi@ump.edu.my; mdazli@ump.edu.my; aamirul@ump.edu.my

Buku *The 8th Habit: From Effectiveness to Greatness* tulisan Stephen R. Covey dihasilkan 20 tahun sesudah *Habits of Highly Effective People* dihasilkan. Buku yang dianggap oleh kebanyakan ahli pengurusan dan keusahawanan dengan 'hati dan bukan tangan', ekoran ideanya yang mengagumkan.

Kemunculannya mengundang kefahaman yang mencabar tentang konflik dunia pengurusan yang semakin kompleks dunia berasaskan pengetahuan pada lewat 90-an. Para pekerja hari ini, khususnya generasi muda tidak lagi 'kamu ikut sahaja' sebaliknya, 'Aku ketua, dan kamu akan dipimpin dan dibimbing'.

Dunia semakin sempit untuk diurus seperti zaman kebangkitan Revolusi Industri yang mementingkan disiplin, memaparkan dunia pengurusan generasi baharu yang sudah begitu banyak berubah hasil pendedahan dan pengalaman alami melalui saluran maya, khususnya internet.

Golongan ini - kadangkala jauh lebih bijak daripada bos mereka sendiri. Mereka tidak lagi boleh diurus dengan metodologi ortodoks peninggalan zaman Revolusi Industri. Sebaliknya kepuasan, kebebasan untuk merencanakan kreativiti merupakan tuntutan wajib yang ingin dinikmati oleh golongan ini.

Menurut Covey, dunia sedang berhadapan dengan krisis pengurusan dan kepimpinan dalam organisasi pe daripada benih kebangkitan Revolusi Industri dahulu. Organisasi tersebut lebih menekankan teknik pengurusan demikian, gaya pengurusan tersebut sudah tidak lagi relevan ketika dunia sudah beralih kepada ekonomi b

Hari ini kita memerlukan pengurusan cara baharu yang lebih bersifat insaniah dan memahami para pekerja dan bukan mesin yang boleh ditekan dan ditutup suisnya. Hakikatnya, tiada satu pun acuan pengurusan manusia yang begitu kompleks khususnya di tempat kerja, melainkan dengan satu cara sahaja, iaitu - men

Setiap organisasi sama ada besar atau kecil harus menyedari realiti bahawa mereka bukan lagi me Organisasi hari ini banyak dibelenggu oleh penyakit 'Neurosis Pekerjaan' yang semakin serius, tidak kira di

'Neurosis Pekerjaan' adalah fenomena yang mana tidak ada apa-apa yang diharapkan lagi daripada menurut perintah dan dalam masa yang sama pihak atasan tidak mahu mendengar maklum balas kepentingan organisasi.

Maka bagi pekerja yang dihinggapi 'Neurosis Pekerjaan' tidak ada apa-apa hasil luar biasa yang akan kerana pada dasarnya bukan itu yang diharapkan oleh pihak atasan. Pihak atasan lebih berminat untuk sedia ada, sama ada dari segi budaya atau prosedur pekerjaan demi kelangsungan kedudukan dan kuasa

Setiap kaedah dan pendekatan baharu yang dicadangkan oleh pihak bawahan akan dianggap sebagai ter tindakan secara tidak langsung seperti diskriminasi kenaikan pangkat akan dikenakan. Akhirnya, kerana cadangan dan pandangan yang dirasakan menyinggung pihak atasan, walaupun untuk jangka masa pa sesebuah organisasi.

Perkataan 'neurosis' digunakan dengan meluas dalam bidang perubatan jiwa yang menggambarkan kead kehidupan. Baginya, jalan untuk berjaya telah tertutup kerana tidak mampu lagi menanggung tanggungjawab kepadanya.

Asas masalah mereka ialah kepercayaan bahawa kehidupan dipenuhi dengan masalah yang berat ya sesiapa yang dapat diharap untuk membantu. Dalam keadaan kritikal, seorang penghidap neurosis akan c

Namun demikian, 'Neurosis Pekerjaan' adalah sebaliknya. Pekerja menghidapi 'neurosis' kerana m memikul tanggungjawab yang lebih besar dan mencabar. Mereka berasa telah terkurang nilai atau menjad kepercayaan untuk menyelesaikan masalah dengan kaedah baharu yang menyimpang daripada kebiasaa

Dalam keadaan kritikal pekerja berasa mereka lebih pandai daripada pihak atasan itu sendiri. Hal ini terja sejak era keemasan seawal tahun 1990-an. Kini, sesiapa sahaja boleh menimba pengetahuan baharu de maklumat jika mereka rajin berusaha.

Manakala pengalaman pihak atasan akan menjadi usang jika mereka tidak menimba pengetahuan terk zaman. Keadaan bertambah buruk jika pihak jabatan sumber manusia mengamalkan gaya pengurusan 'Pengurusan Segi Tiga Bermuda'.

Yang mana semua aduan yang disuarakan oleh pekerja yang kecewa tidak diendahkan oleh jabatan te dengan budaya organisasi, birokrasi pengurusan atau polisi pentadbiran.

Isu-isu ini dianggap sensitif bagi sesetengah organisasi dan didiamkan sahaja oleh jabatan berkenaa daripada menyelesaikan masalah dengan cara tersendiri dan disekat kreativitinya, maka seseorang pekerj kerjaya yang sedang diceburinya.

Mereka merasakan perkembangan kerjaya akan terbantut, bukan kerana mereka tidak mampu memikul beban telah disekat oleh sistem birokrasi, terperangkap dalam percaturan politik jabatan dan musnah dalam budaya inovasi.

Pekerja tersebut mungkin akan meninggalkan syarikat atau jika mereka kekal akan menyemarakkan bukannya mementingkan diri sendiri. Kesan langsungnya produktiviti akan menurun, kebolehan daya saing merosot, komunikasi antara pengurus atasan dengan pekerja bawahan semakin melebar. Organisasi seperti ini haruslah bersaing dengan para pesaingnya.

Semasa syarikat kenderaan Chrysler diambang keruntuhan 36 tahun lalu. Semasa Lee Iacocca datang sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO) yang baharu, beliau mendapati bahawa syarikat ini telah berpecah.

Jabatan pemasaran tidak mempedulikan maklum balas daripada pasaran. Jabatan reka bentuk tidak mementingkan pembuatan. Pihak pengeluaran pula tidak mengambil kira maklum balas daripada jurujual. Akhirnya, produk disimpan kerana gagal dijual hasil daripada sikap tidak mahu mengambil kira pandangan pihak lain yang sudah usang.

Kesudahannya, para pekerja terbaik berpindah ke syarikat yang lebih baik seperti Ford dan General Motors. Lee Iacocca meminta belas ihsan kongres untuk bantuan pinjaman dan kemudian dengan tegas membucah syarikat, sudah pasti syarikat ini sudah lama berkubur.

Dengan melenyapkan sebahagian besar struktur birokrasi dan memberi lebih kuasa kepada pekerja bawahan, akhirnya Chrysler mampu bangun kembali dan berupaya menyelesaikan semua hutang yang dipinjamnya dalam masa cuma sembilan tahun.

Produktiviti meningkat dengan drastik apabila pekerja bawahan dan pertengahan diberi lebih ruang untuk berkeaktiviti.

Namun demikian, setelah Lee Iacocca mengundur diri sebagai CEO maka corak pengurusan syarikat berpecah dipenuhi birokrasi, politik dalaman dan pemusatan kuasa kepada pegawai atasan.

Untuk kali ini, Chrysler, sebuah syarikat yang telah berusia 73 tahun tidak dapat diselamatkan lagi, dan ditutup pada tahun 1998. Dengan mengamalkan sistem pengurusan yang betul, penyakit 'Neurosis Pekerjaan' dapat dielakkan.

Hal ini telah dibuktikan oleh seorang lagi tokoh kepimpinan yang terkemuka dari General Elektrik. Pada tahun 1980, CEO di syarikat tersebut yang dianggap sebagai sebuah syarikat sederhana pencapaiannya berbanding dengan pesaingannya.

Jack Welch membuat kejutan, dengan mengisytiharkan perang kepada birokrasi. Semasa pelantikannya, beliau memecat 130 orang timbalan presiden. Jack Welch telah mengurangkan jumlah pengurusan atasan dan memecat perancang strategik syarikat. Kuasa membuat keputusan diturunkan kepada ketua unit dan pengurusan bawahan.

Beliau kemudiannya menubuhkan Majlis Konsul yang menghimpunkan pekerja bawahan dan pengurus bawahan yang perlu diketepikan bagi menambahkan kecekapan organisasi.

Dalam tempoh 24 jam, majlis tersebut perlu membuat keputusan sebulat suara dan sebarang prosedur yang digugurkan. Tindakan ini menyebabkan pekerja terbaik akan terus kekal dengan organisasi kerana pandangan mereka dihargai.

Masa hadapan dalam pekerjaan dirasakan cerah kerana syarikat berdaya maju dengan menampilkan banyak

muncul untuk dipenuhi. Dengan mengurangkan kerenah birokrasi dan peralihan kuasa yang lebih banyak Elektrik di bawah pimpinan Jack Welch telah mencapai begitu banyak kejayaan.

Nilai syarikat telah meningkat lebih daripada 30 kali ganda pada tahun 2005 berbanding dengan tahun penggabungan hasil daripada maklum balas pasaran dan disenaraikan dalam Fortune 500 lebih banyak dalam tempoh 20 tahun belakangan ini.

Dengan membunuh birokrasi dalam organisasinya beliau telah membuang barah yang boleh mengakibatkan Syarikat General Elektrik.

Gaya pengurusan Jack Welch dan Lee Iacocca ini selaras dengan kata-kata bapa pengurusan moden organisasi yang terdapat hanyalah kos, keuntungan berada di luarnya”.

Mana-mana syarikat yang mengizinkan penyakit ‘Neurosis Pekerjaan’ ini berkembang secara tidak langka sedangkan pelanggan yang berfungsi sebagai pemberi untung akan lari ke syarikat lain yang tidak berpenyakit ke dalam diri dan mengkaji sejauh mana penyakit ‘Neurosis Pekerjaan’ ini sedang membiak dalam organisasi ialah para pekerjanya.

Para penulis adalah Rosilavi Mat Jusoh, Pengurus Besar, Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Azli Shukri, Pegawai Penerbitan Kanan, Penerbit UMP dan Amirul Ahmad, Pengurus Kanan, UMP A

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang tidak diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang dikembalikan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa yang dikembalikan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikembalikan akan dikembalikan. Sumbangan karya yang dikembalikan kepada penerbit di:

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: *safriza@ump.edu.my*

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 66 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

